



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***GAYA PEMBELAJARAN, PENCAPAIAN PENDIDIKAN ISLAM,
DAN PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR***

KHADIJAH ABDUL RAZAK

FPP 2013 78



**GAYA PEMBELAJARAN, PENCAPAIAN
PENDIDIKAN ISLAM, DAN PENGHAYATAN
AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH
DI SELANGOR**

KHADIJAH ABDUL RAZAK

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2013



**GAYA PEMBELAJARAN, PENCAPAIAN PENDIDIKAN ISLAM,
DAN PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR**

Oleh


KHADIJAH ABDUL RAZAK

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah
Doktor Falsafah**

Januari 2013

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**GAYA PEMBELAJARAN, PENCAPAIAN PENDIDIKAN ISLAM,
DAN PENGHAYATAN AKHLAK DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR**

Oleh

KHADIJAH ABDUL RAZAK

Januari 2013

Pengerusi: Habsah Hj Ismail, PhD
Fakulti: Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji gaya pembelajaran dan pencapaian Pendidikan Islam dan mengenalpasti hubungannya terhadap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Selangor. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melihat pertalian antara pemboleh ubah-pemboleh ubah berkenaan serta melihat sumbangan gaya pembelajaran dan pencapaian Pendidikan Islam terhadap penghayatan akhlak.

Kajian kuantitatif ini melibatkan seramai 715 responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat di 10 buah sekolah menengah di negeri Selangor. Kajian ini menggunakan instrumen berbentuk soal selidik yang merangkumi instrumen gaya pembelajaran Pendidikan Islam, maklumat berkaitan dengan pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, penghayatan akhlak, dan soalan senario berkaitan penghayatan akhlak. Nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach ialah di antara 0.60 – 0.82. Statistik deskriptif seperti kekerapan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Manakala analisis statistik inferensi dilaksanakan untuk menjawab persoalan kajian berkaitan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian dan hubungan pencapaian dengan penghayatan akhlak. Selain itu, analisis pengantara turut dijalankan untuk mengkaji sama ada pencapaian Pendidikan Islam merupakan perantara kepada hubungan gaya pembelajaran dengan penghayatan akhlak.

Dari segi gaya pembelajaran Pendidikan Islam, hasil kajian mendapati bahawa dua gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh para

responden iaitu gaya pembelajaran dorongan dan gaya pembelajaran permukaan dengan nilai min keduanya 3.84. Selain itu, pelajar turut mengamalkan gaya pembelajaran mendalam (min 3.59) dan gigih usaha (min 3.24). Hanya satu gaya pembelajaran kurang diamalkan oleh pelajar iaitu gaya pembelajaran terancang (min 2.61).

Analisis berkaitan dengan penghayatan akhlak pula menunjukkan bahawa secara keseluruhan, penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di Selangor berada pada tahap tinggi (min 2.95). Hasil analisis penghayatan akhlak berdasarkan senario pula menunjukkan tahap penghayatan akhlak secara keseluruhan berada pada tahap tinggi (min 3.22). Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar dapat memilih tindakan yang tepat dalam sesuatu situasi.

Dapatan analisis hubungan mendapati wujud hubungan yang signifikan pada tahap sederhana di antara gaya pembelajaran dorongan dengan gred Pendidikan Islam PMR dan antara gaya pembelajaran permukaan dengan gred Pendidikan Islam PMR. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan pada tahap rendah di antara gaya pembelajaran mendalam dengan gred Pendidikan Islam PMR dan di antara gaya pembelajaran gigih usaha dengan gred Pendidikan Islam PMR. Dapatan kajian juga menunjukkan wujud hubungan yang signifikan pada tahap sederhana di antara pencapaian Pendidikan Islam dengan penghayatan akhlak secara keseluruhan. Seterusnya hasil kajian menunjukkan pencapaian Pendidikan Islam merupakan pengantara separa (partial mediator) terhadap hubungan antara gaya pembelajaran dengan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di Selangor.

Kesimpulannya, penemuan kajian menunjukkan bahawa gaya pembelajaran berkait dengan pencapaian dan juga mempunyai hubungan dengan penghayatan akhlak pelajar. Justeru, dalam memastikan kemanjadian pelajar, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam perlu menitikberatkan ilmu kemahiran dan pengurusan pembelajaran bagi melahirkan insan cemerlang yang memiliki keimanan, kefahaman, penghayatan dan pengamalan tentang Islam dalam kehidupan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**LEARNING STYLE, ACHIEVEMENT IN ISLAMIC EDUCATION, AND
INTERNALIZATION OF AKHLAQ AMONG SECONDARY
SCHOOL STUDENTS IN SELANGOR**

By

KHADIJAH ABDUL RAZAK

January 2013

**Chairman: Habsah Hj Ismail, PhD
Faculty: Educational Studies**

This study aims to investigate the learning styles and achievement in Islamic Education among secondary school students in Selangor. It also aims to determine the relationship between the variables and contribution of learning styles and achievement in Islamic Education towards the internalization of *akhlaq*.

This quantitative study involved 715 respondents who were Form 4 students from 10 secondary schools in Selangor. The instrument employed was a questionnaire containing items on learning styles in learning Islamic Education, achievement in Islamic Education, internalization of *akhlaq* and scenarios related to internalization of *akhlaq*. The alpha Cronbach reliability value was from 0.60 – 0.82. Descriptive statistics of mean and standard deviation was employed in answering the research questions. Meanwhile, inferential analysis statistics was employed to answer the research question related to the relationship between learning styles and achievement, and between achievement and internalization of *akhlaq*. In addition, mediation analysis was employed to investigate whether achievement in Islamic Education is the mediator in the relationship between learning styles and internalization of *akhlaq*.

In terms of learning style in Islamic Education, the findings show two dominant learning styles employed by the respondents that are motivational learning style and surface learning style with a mean value of 3.84 for both. In addition, students also practised deep learning style (mean 3.59) and hard

work (mean 3.24). Only one learning style that was least employed that was organised learning style (mean 2.61).

Analysis related to the internalization of *akhlaq* shows that in general, Selangor's secondary school students' internalization of *akhlaq* is at a high level (mean 2.95). Meanwhile, the analysis based on scenario shows an overall internalization of a high level (mean 3.22). This study shows that the students were able to choose the accurate action in a particular context.

Findings of the relationship analysis shows a significant relationship at an intermediate level between motivational learning style and the grade achievement in PMR Islamic Education and between surface learning style and the grade achievement in PMR Islamic Education. Apart from that, findings also show a significant relationship but at a low level between deep learning style and grade achievement in PMR Islamic Education and between hard work learning style and grade achievement in PMR. Also, findings show a significant relationship at an intermediate level between Islamic Education and internalization of *akhlaq* as a whole. Finally, findings show that achievement in Islamic Education is a partial mediator in the relationship between learning styles and internalization of *akhlaq* among secondary school students in Selangor.

In conclusion, findings show that learning style is related to achievement and has a relationship with internalization of *akhlaq*. Hence, to ensure students' success, teaching and learning of Islamic Education should emphasize on knowledge and learning management skills to produce excellent human being who has faith, understanding, internalization and practice of Islam in his life.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan kurnia dan izin-Nya dapat penulis menyempurnakan tesis Doktor Falsafah ini dengan jayanya. Penghargaan yang ikhlas dan mendalam penulis tujukan kepada Prof. Madya Dr. Habsah Hj Ismail yang banyak memberi nasihat, dorongan, bimbingan, teguran dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada para penyelia, Prof. Madya Dr. Asmawati Suhid, Dr. Nor Hayati Hj. Alwi dan Prof. Madya Dr. Rohani Ahmad Tarmizi yang turut memberi bimbingan dan dorongan untuk penulis menyelesaikan tesis ini.

Jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia yang membiayai biasiswa penulis dalam tempoh pengajian ini. Ucapan terima kasih juga buat Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua Jabatan dan rakan-rakan pensyarah dari Fakulti Pendidikan UKM yang sentiasa membantu dan meniupkan semangat kepada penulis dalam menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan rakan-rakan seperjuangan dari UPM yang sentiasa memberi dorongan kepada penulis.

Penulis amat menghargai dan menyanjungi pengorbanan suami, Dr Harery Abu Saad yang tidak pernah jemu mendoakan, menyuntik semangat dan inspirasi dalam memastikan kejayaan penulis. Juga terima kasih buat anak-anak tersayang, Fawwaz, Farhah, Fudhla dan Fadhlin kerana terpaksa banyak bersabar dan berkorban demi kejayaan penulis dalam menyiapkan kajian ini. Mereka menjadi tempat bersandar, teman berbicara, amat memahami apa yang dilalui selama ini dan bersama-sama susah dan senang dalam tempoh penulis menyelesaikan ijazah kedoktoran ini.

Akhirnya disedekahkan al-Fatihah untuk arwah abah yang mana semangat dan dorongan abah menjadi inspirasi untuk diri. Tidak juga dilupakan ucapan terima kasih yang harum mewangi kepada emak dan keluarga di Kedah serta mertua di Melaka yang sentiasa memberikan sokongan moral dan mendoakan kejayaan untuk penulis selama ini.

Ikhlas daripada,
KHADIJAH ABDUL RAZAK

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 11 Januari 2013 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Khadijah Abdul Razak bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Gaya pembelajaran, Pencapaian Pendidikan Islam, dan Penghayatan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Azimi b. Hj Hamzah, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Aminuddin bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Amini Amir bin Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Khairul Anwar @ Johari bin Mastor, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 Disember 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Habsah Hj Ismail, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Asmawati Suhid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nor Hayati Hj. Alwi, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rohani Ahmad Tarmizi, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Khadijah Abdul Razak (GS15956)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____ Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Tandatangan: _____ Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Gaya Pembelajaran	1
1.2.2 Gaya Pembelajaran dan Pencapaian Akademik	3
1.2.3 Gaya Pembelajaran dan Penghayatan Akhlak	4
1.2.4 Masalah Keruntuhan Akhlak Remaja	5
1.2.5 Keruntuhan Akhlak Pelajar	7
1.2.6 Elemen Akhlak dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan	10
1.2.7 Falsafah Pendidikan Islam di Malaysia	11
1.2.8 Penghayatan Akhlak	13
1.2.9 Pencapaian Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak	14
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Persoalan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Kerangka Konsep Kajian	17
1.7 Kepentingan Kajian	18
1.8 Skop Kajian	19
1.9 Limitasi Kajian	20
1.10 Definisi Istilah	21
1.10.1 Gaya Pembelajaran	21

1.10.2	Pencapaian Pendidikan Islam	21
1.10.3	Penghayatan akhlak	22
1.11	Kesimpulan	23
2	SOROTAN LITERATUR	24
2.1	Pengenalan	24
2.2	Falsafah Pendidikan Islam	24
2.3	Konsep dan Model-Model Gaya Pembelajaran	28
2.3.1	Konsep Gaya Pembelajaran	28
2.3.2	Model-model Gaya Pembelajaran	29
2.4	Kajian-Kajian Berkaitan dengan Gaya Pembelajaran	35
2.5	Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah	38
2.6	Konsep Akhlak	39
2.7	Sumber-Sumber Nilai Akhlak	45
2.8	Hubungan Akhlak dan Agama Islam	46
2.9	Klasifikasi Nilai Akhlak	47
2.10	Pendidikan Islam dan Pendidikan Akhlak	49
2.11	Konsep Penghayatan Akhlak	52
2.12	Kajian-Kajian Berkaitan dengan Penghayatan Akhlak	53
2.13	Gaya Pembelajaran dan Penghayatan Akhlak	55
2.14	Kerangka Teori Kajian	56
2.15	Kesimpulan	57
3	METODOLOGI KAJIAN	58
3.1	Pengenalan	58
3.2	Reka Bentuk Kajian	58
3.3	Lokasi Kajian	59
3.4	Populasi Kajian	60
3.5	Sampel Kajian	60
3.6	Instrumen Kajian	62
3.6.1	Bahagian A : Soal selidik Demografi	62
3.6.2	Bahagian B : Pencapaian Pendidikan Islam	62
3.6.3	Bahagian C : Penghayatan Akhlak	63

3.6.4	Bahagian D : Senario Berkaitan Penghayatan Akhlak	65
3.6.5	Bahagian E : Gaya Pembelajaran	65
3.7	Kesahan Instrumen Kajian	67
3.8	Kajian rintis	68
3.9	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	68
3.10	Prosedur Mengumpul Data	69
3.11	Penganalisan Data	70
3.11.1	Analisis Statistik Deskriptif	70
3.11.2	Analisis Statistik Inferensi	71
3.11.2.1	Ujian Korelasi	71
3.11.2.2	Analisis Pengantara	71
3.12	Kesimpulan	72
4	DAPATAN KAJIAN	74
4.1	Pengenalan	74
4.2	Profil Responden Kajian	74
4.3	Gaya Pembelajaran dalam Pendidikan Islam	75
4.4	Pencapaian Pendidikan Islam PMR	77
4.5	Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah	77
4.5.1	Penghayatan Akhlak Terhadap Allah	78
4.5.2	Penghayatan akhlak terhadap Rasul	79
4.5.3	Penghayatan Akhlak Terhadap al-Quran	80
4.5.4	Penghayatan Akhlak Peribadi	80
4.5.5	Penghayatan akhlak terhadap ibu bapa	82
4.5.6	Penghayatan Akhlak Sesama Muslim	82
4.5.7	Penghayatan Akhlak Persekitaran	83
4.5.8	Penghayatan Akhlak Berdasarkan Analisis Senario	84
4.5.9	Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Gred Pendidikan Islam PMR	86
4.5.10	Hubungan antara Pencapaian Pendidikan Islam dengan Penghayatan Akhlak secara keseluruhan	87
4.5.11	Hubungan antara Pencapaian PI dengan Konstruk Penghayatan Akhlak	87

4.5.12	Kesan Pengantara Pencapaian Pendidikan Islam Terhadap Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dengan Penghayatan Akhlak	88
4.6	Kesimpulan	90
5	PERBINCANGAN KAJIAN	91
5.1	Pengenalan	91
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	91
5.2.1	Gaya pembelajaran yang Diamalkan oleh Pelajar	91
5.2.2	Pencapaian Pendidikan Islam	93
5.2.3	Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Selangor	94
5.2.4	Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Pendidikan Islam PMR	99
5.2.5	Hubungan antara Pencapaian Pendidikan Islam dengan Penghayatan Akhlak Pelajar	100
5.2.6	Kesan Pengantara Pencapaian Pendidikan Islam terhadap Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Penghayatan Akhlak	102
5.3	Implikasi Kajian	104
5.4	Saranan Kajian	106
5.5	Kesimpulan	107
6	RINGKASAN KAJIAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	108
6.1	Pengenalan	108
6.2	Ringkasan Kajian	108
6.3	Kesimpulan Kajian	109
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	110
	RUJUKAN	112
	LAMPIRAN	126
	BIODATA PELAJAR	142
	SENARAI PENERBITAN	143

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Bilangan kes gejala sosial remaja (16 – 17 tahun)	6
2. Statistik penglibatan remaja dalam jenayah (Jan-Sept 2006)	6
3. Bilangan pelajar terlibat dalam kes disiplin	8
4. Model gaya pembelajaran Kolb	31
5. Bilangan sampel kajian mengikut daerah	61
6. Pencapaian Pendidikan Islam	62
7. Konstruk penghayatan akhlak	63
8. Item-item negatif penghayatan akhlak yang dikodkan semula	64
9. Dimensi gaya pembelajaran Selmes	66
10. Item-item negatif gaya pembelajaran yang dikodkan semula	67
11. Nilai Cronbach gaya pembelajaran	68
12. Nilai Cronbach penghayatan akhlak	69
13. Interpretasi skor min penghayatan akhlak	70
14. Taburan responden berdasarkan jantina	74
15. Taburan responden berdasarkan lokasi sekolah	74
16. Taburan responden berdasarkan aliran pengajian	75
17. Pendapatan keluarga	75
18. Gaya pembelajaran	76
19. Pencapaian Pendidikan Islam PMR	77
20. Penghayatan akhlak pelajar	78
21. Penghayatan akhlak terhadap Allah	78
22. Penghayatan akhlak terhadap Rasul	79
23. Penghayatan akhlak terhadap al-Quran	80
24. Penghayatan akhlak peribadi	81
25. Penghayatan akhlak terhadap ibu bapa	82
26. Penghayatan akhlak sesama muslim	83
27. Penghayatan akhlak persekitaran	84
28. Penghayatan akhlak pelajar berdasarkan senario	85
29. Tahap hubungan antara dua pemboleh ubah	86
30. Hubungan antara gaya pembelajaran dengan gred Pendidikan Islam PMR	86
31. Hubungan antara Pencapaian Pendidikan Islam dengan penghayatan akhlak secara keseluruhan	87
32. Hubungan antara pencapaian PI dengan konstruk penghayatan akhlak	88
33. Hubungan gaya pembelajaran dengan penghayatan akhlak	89
34. Hubungan gaya pembelajaran dengan gred Pendidikan Islam	89
35. Regresi multivariat antara setiap konstruk gaya pembelajaran, gred Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak	90

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1. Kerangka Konsep Kajian	17
2. Peringkat Pembelajaran	26
3. Model Gaya Pembelajaran Curry	30
4. Kerangka Teori Kajian	56
5. Ilustrasi Analisis Pengantara	72
6. Model Penghayatan Pendidikan Islam	97

SENARAI SINGKATAN

AAI	Adab dan Akhlak Islam
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
PAFA	Penilaian Asas Fardu Ain
PI	Pendidikan Islam
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
S.A.W	Sallallahu Alai Hi Wassalam
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMT	Sekolah Menengah Teknik
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kandungan bab ini menerangkan tentang kajian yang dijalankan, meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan limitasi kajian serta definisi istilah yang berfokus kepada gaya pembelajaran, pencapaian Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar. Istilah yang terdapat dalam kajian ini didefinisikan secara operasi dengan jelas berdasarkan konteks kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini menyoroti isu tentang gaya pembelajaran, pencapaian akademik pelajar, masalah keruntuhan akhlak pelajar, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam, pencapaian Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak.

1.2.1 Gaya Pembelajaran

Sejak 30 tahun yang lalu banyak kajian telah dijalankan berkaitan dengan gaya pembelajaran. Cuthbert (2005) dan Williamson dan Watson (2006) menjelaskan bahawa penyelidikan berkaitan gaya pembelajaran selalunya difokuskan kepada tinjauan bagaimana pelajar belajar dan kecenderungan individu dalam memilih teknik untuk memahami suatu maklumat. Antara penyelidik yang menjalankan kajian berkaitan dengan gaya pembelajaran ialah Ian Selmes (1987) yang menekankan kemahiran belajar dan bagaimana pelajar harus diajar. Selmes telah membina satu inventori pembelajaran di sekolah dikenali dengan "Studying at School Inventory" (SASI). Inventori ini mengkategorikan gaya pembelajaran pelajar kepada lima kategori iaitu gaya dorongan (motivational learning style), gaya gigihusaha (hard work learning style), gaya mendalam (deep learning style), gaya permukaan (surface learning style) dan gaya terancang (organized learning style) (Selmes 1987).

Satu lagi model gaya pembelajaran ialah yang dikemukakan oleh Slavin (2003). Gaya pembelajaran yang diutarakan oleh Slavin adalah diasaskan kepada teori interaksi sosial. Menurut Slavin (2003) gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dapat dikategorikan kepada dua kategori iaitu gaya pembelajaran bergantung (*dependent learning style*) dan gaya pembelajaran

tidak bergantung (*independent learning style*). Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran bergantung lebih gemar belajar dalam kumpulan kecil bersama dengan rakan sebaya. Slavin berpandangan bagi pelajar yang mengamalkan kategori ini, strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai digunakan oleh guru ialah kaedah kuliah, syarahan, demonstrasi dan juga kaedah kumpulan. Bagi kategori kedua iaitu gaya pembelajaran tidak bergantung, pelajar dalam kategori ini mempunyai motivasi intrinsik yang kuat dan perasaan ingin tahu yang tinggi serta lebih gemar belajar sendiri. Mereka lebih mementingkan analisis bahagian-bahagian pola atau corak secara terperinci. Bagi mencapai pengajaran yang efektif, guru disarankan menggunakan kaedah uji kaji, kaedah inkuiri-penemuan dan juga kaedah penyelesaian masalah.

Namun begitu terdapat pelbagai cara yang diamalkan oleh pelajar dalam proses memahami dan mempelajari sesuatu maklumat. Selain itu, pelajar juga mempunyai keupayaan yang berbeza untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran mereka. Menurut al-Balhan (2007), kapasiti pelajar untuk belajar sebenarnya merupakan satu impak yang terhasil daripada gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru ketika menyampaikan maklumat kepada pelajar. Namun malangnya menurut al-Balhan, hanya sedikit perhatian ditumpukan kepada bagaimana pelajar berfikir dan belajar untuk memahami maklumat tersebut. Guru selalunya membuat andaian bahawa minda pelajar beroperasi selaras dengan minda guru. Ini secara tidak langsung akan mengakibatkan kegagalan guru mengoptimumkan keupayaan pelajar untuk belajar. Oleh itu, Alavi (2008) menyatakan bahawa guru sepatutnya mengenal pasti terlebih dahulu kecenderungan pelajar, dan juga sikap pelajar terhadap pembelajarannya. Bagi Alavi, aspek-aspek berkaitan kecenderungan pelajar ini sepatutnya menjadi titik awal perancangan untuk guru melaksanakan pengajarannya.

Pandangan al-Balhan (2007) dan Alavi (2008) ini menguatkan saranan Keefe (1987) yang menyatakan bahawa tiada program pendidikan yang akan berjaya mencapai matlamat jika guru tidak memberi perhatian kepada keperluan individu pelajar. Oleh itu, Keefe (1988) menegaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan keberkesanannya jika para guru dapat mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh para pelajarnya. Maklumat tentang gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar merupakan satu maklumat penting kepada guru dalam merancang dan melaksana kaedah serta strategi pengajaran agar ia bersesuaian dengan ciri-ciri yang ada pada individu pelajar.

Pandangan Keefe ini dipersetujui oleh Dunn dan Dunn (1991) yang juga menegaskan bahawa penggunaan pendekatan dan strategi pengajaran yang sesuai dan berpadanan dengan kecenderungan gaya pembelajaran pelajar dapat meningkatkan hasil pembelajaran ke peringkat maksimum. Jika seseorang guru dapat mengenal pasti gaya pembelajaran pelajarnya dan mengambil inisiatif untuk melaksanakan proses pengajaran mengikut cara

penerimaan pelajar, proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah akan sentiasa dapat menarik minat pelajar. Selain itu, suasana pembelajaran akan menjadi lebih seronok dan bermakna.

Prashnig (2006) pula berpandangan pada abad ke 21, tujuan utama persekolahan di peringkat menengah sepatutnya ditumpukan kepada pembentukan pelajar yang mampu berdikari dan mampu menguruskan diri dengan pengisian ilmu dan juga kemahiran yang akan menyediakan mereka dengan cabaran yang bakal dihadapi pada masa hadapan. Pelajar yang meninggalkan alam persekolahan sepatutnya mengetahui bagaimana untuk belajar dan mempunyai keyakinan yang tinggi dengan keupayaan diri untuk terus belajar dan mendapatkan ilmu. Mereka sepatutnya menyedari kemampuan diri sendiri dan mengetahui bagaimana untuk menggunakan kemampuan tersebut secara efektif. Menurut Prashnig (2006) lagi, sekolah sepatutnya merupakan satu tempat di mana pelajar merasakan keseronokan untuk belajar, kurikulum yang dipelajari relevan dengan keperluan pelajar, dan pelajar mendapat pengiktirafan berdasarkan pencapaian mereka. Oleh itu Prashnig menegaskan bahawa pembelajaran sepatutnya ditumpukan kepada individu bukannya keseluruhan kelas dan juga difokuskan kepada kejayaan dan pencapaian bukannya kegagalan.

Di Malaysia, pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988 memperlihatkan satu transformasi di dalam pelaksanaan sistem pendidikan negara. Menurut Wan Mohd. Zahid (1993), pelaksanaan KBSR dan KBSM yang menumpukan perhatian kepada pelajar dan pembelajaran merupakan satu perubahan penekanan daripada pendekatan tradisional (bertumpukan kepada guru) kepada pendekatan baru yang bertumpu kepada pelajar. Oleh itu, Wan Mohd. Zahid (1993) memberi saranan agar pendidik, ibu bapa dan pelajar sendiri memahami gaya pembelajaran dan menganggap setiap perbezaan pelajar merupakan satu keistimewaan yang jika digunakan secara berkesan akan dapat meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah.

1.2.2 Gaya Pembelajaran dan Pencapaian Akademik

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras bagi semua peringkat persekolahan bagi pelajar Muslim di Malaysia. Langkah ini selaras dengan pernyataan bahawa Islam adalah agama persekutuan dalam Perlembagaan Malaysia (Mohd. Aderi dan Khadijah 2005). Selepas negara mencapai kemerdekaan sehingga kini, Pendidikan Islam diajar dalam jadual waktu persekolahan sama seperti mata pelajaran yang lain. Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia telah berlaku dengan pesatnya di mana sejak Pendidikan Agama Islam mula diperkenalkan dalam Penyata Razak 1956. Bermula daripada tarikh tersebut, Pendidikan Islam mengalami banyak perubahan dan perkembangan sama ada dari segi kurikulum, strategi,

kaedah dan teknik, penilaian dan proses pengajaran dan pembelajaran (Dangiran Mustafa 2007), seperti mana mata pelajaran lain di sekolah. Guru-guru Pendidikan Islam turut disarankan agar mengubah pendekatan pengajaran mereka kepada pengajaran berpusatkan pelajar berbanding pengajaran tradisional yang berpusatkan guru. Perubahan ini diharapkan dapat meningkatkan lagi pencapaian para pelajar dalam Pendidikan Islam.

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh para penyelidik untuk mengenal pasti gaya pembelajaran dan kaitannya dengan pencapaian akademik. Antaranya ialah kajian di luar negara oleh al-Balhan (2007), Dunn dan Dunn (1991), dan Lang et al. (1999) yang menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pencapaian pembelajaran pelajar setelah melalui pengajaran guru yang berasaskan kepada gaya pembelajaran pelajar. Terdapat juga kajian tempatan telah dilakukan oleh penyelidik untuk mengkaji perkaitan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Antaranya ialah kajian oleh Abd. Razak dan Rashidi (1997), Abd Razak Ahmad (1999), Norihan Abu Hasan (2001), Norlia Abd. Aziz (2001), Chua Leong Chee (2002), dan Hamden Ghani (2003). Selain itu, terdapat juga satu kajian telah dijalankan oleh Siti Nur Rahil (2005) yang secara khusus mengkaji hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar sekolah menengah di enam buah sekolah di Kota Bharu Kelantan. Secara keseluruhan kajian-kajian ini menunjukkan bahawa gaya pembelajaran mempunyai kaitan dengan peningkatan prestasi pelajar. Oleh kerana memahami gaya pembelajaran pelajar akan dapat membantu guru meningkatkan prestasi serta pencapaian pelajar khususnya dalam Pendidikan Islam, inilah asas rasional kajian ini dilakukan.

1.2.3 Gaya Pembelajaran dan Penghayatan Akhlak

Azhar Ahmad (2006) menjelaskan bahawa secara prinsipnya, asas-asas yang membolehkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dilaksanakan secara berpusatkan pelajar telahpun diwujudkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui struktur kurikulum dan peruntukan waktu belajar yang khusus. Pembahagian bidang-bidang tertentu dalam Pendidikan Islam iaitu Tilawah al-Quran dan *Ulum Syar'iyah*, serta perlaksanaan amali solat, aktiviti ko-kurikulum dan Penilaian Asas fardu Ain (PAFA) merupakan di antara usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan bagi memastikan pelajar memperoleh ilmu berkaitan dengan Pendidikan Islam. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) mengharapkan melalui struktur kurikulum dan pembahagian waktu tersebut, pelajar bukan sahaja memperoleh segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang perlu mereka kuasai, namun yang lebih utama adalah pelajar menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan mereka. Azhar (2006) menjelaskan bahawa pada masa kini pihak Kementerian Pendidikan juga telah memperkenalkan beberapa konsep dan pendekatan latihan dalam perkhidmatan dalam kalangan guru yang memberi penekanan bagi

melahirkan pelajar yang aktif dan bertanggungjawab dalam pembelajaran mereka sendiri.

Walaupun gaya pembelajaran dan penghayatan akhlak dalam kehidupan pelajar merupakan aspek yang perlu diberi tumpuan khususnya dalam bidang Pendidikan Islam, namun penyelidikan secara mendalam mengenainya masih kurang dilakukan sehingga kini. Penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan berkaitan dengan pendidikan Islam bertumpu kepada keberkesanan kaedah-kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru (Fakulti Pendidikan UKM dan JAPIM, 2004; Hatifah, 2000) selain daripada penyelidikan berkaitan penggunaan alat teknologi pendidikan yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam (Mohd. Jasmy et. al 2005). Terdapat juga kajian telah dilakukan berkaitan aspek pembelajaran Pendidikan Islam, namun kajian lebih bertumpu kepada aspek sikap dan minat pelajar terhadap Pendidikan Islam (Zaib Ngah 2002; Mohd@Mohamed 2000). Walaupun tiada kajian khusus telah dijalankan berkaitan hubungan gaya pembelajaran dengan penghayatan akhlak namun terdapat satu kajian telah dijalankan oleh Azhar (2006) berkaitan strategi pembelajaran pengaturan sendiri Pendidikan Islam dan hubungannya dengan penghayatan akhlak pelajar. Analisis dapatan kajian beliau menunjukkan terdapat hubungan yang kukuh antara penggunaan strategi pembelajaran pengaturan sendiri dalam Pendidikan Islam dengan tahap penghayatan akhlak dalam kalangan responden.

Memang tidak dapat disangkal semua dapatan kajian-kajian lalu berkaitan Pendidikan Islam secara umumnya dapat memberi input-input bermanfaat bagi memantapkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, namun sejauh manakah gaya pembelajaran mempengaruhi pencapaian dan juga hubungannya dengan penghayatan akhlak pelajar perlu diselidiki secara lebih mendalam. Ini adalah untuk memastikan objektif utama Pendidikan Islam yang berhasrat melahirkan insan pelajar yang bertakwa berjaya direalisasikan.

1.2.4 Masalah Keruntuhan Akhlak Remaja

Masyarakat hari ini dilanda kegusaran dengan gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Hasnan (2002) menyatakan bahawa penyimpangan sosial dan akhlak jika tidak cuba diatasi akan memberi kesan negatif kepada masyarakat. Beliau berpandangan akan lahir generasi cetek ilmu, tidak mempunyai daya ketahanan berfikir, tidak bermotivasi dan lemah pegangan agama. Oleh itu, sudah sewajarnya kita memberi perhatian kepada permasalahan akhlak ini kerana ia merupakan satu persoalan besar yang menyentuh jatuh bangunnya sesuatu ummah dan tamadunya (Hasnan, 2002, Siddiq Fadhil, 1995).

Jadual 1. Bilangan kes gejala sosial remaja (16 – 17 tahun)

Jenis Kesalahan	2007	2008
Bersabit dengan harta benda	1843	1499
Bersabit dengan orang	152	98
Kesalahan jantina	88	110
Melanggar syarat pengawasan	15	8
Dadah	330	435
Judi	20	27
Senjata/bahan api	54	48
Lalulintas	332	433
Lari dari sekolah	4	4
Lain-lain	381	272
Jumlah	3219	2934

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat (2009)

Pendedahan oleh media massa sama ada media elektronik ataupun media cetak berkaitan penglibatan remaja sama ada dalam gejala sosial mahupun jenayah menunjukkan statistik penglibatan remaja meningkat dari tahun ke tahun. Jadual 1 di atas menunjukkan perangkaan penglibatan remaja berusia antara 16 hingga 17 tahun dalam pelbagai jenis kesalahan dalam tempoh dua tahun iaitu 2007 dan 2008.

Jadual 2. Statistik penglibatan remaja dalam jenayah (Jan-Sept 2006)

Jenayah	Indeks Kesalahan	Remaja Terlibat	%
Bunuh	473	22	4.65
Rogol	1833	216	11.79
Cabul kehormatan	1501	132	8.8
Rompak bersenjata api (berkumpulan)	54	0	0
Rompakan tanpa senjata api (berkumpulan)	1886	50	2.65
Rompak bersenjata api	190	1	0.53
Rompak tanpa senjata api	13537	142	1.05
Peras ugut	1155	37	3.2
Jenayah kekerasan	4589	129	2.81
Merusuh	1669	246	14.74
Menyebabkan kecederaan	9190	377	8.4
Mencuri	27061	1078	23.99
Mencuri van/lori	4666	4	0.09
Mencuri kereta	8268	8	0.09
Mencuri motosikal	47163	1454	3.08
Ragut	7078	88	1.25
Pecah rumah (siang)	6168	153	2.48
Pecah rumah (malam)	13535	385	2.84
JUMLAH	150016	4522	3.02

Sumber : Polis Diraja Malaysia (2006)

Manakala statistik dalam jadual 2 di atas yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia pada tahun 2006 juga menunjukkan peratusan remaja yang terjebak dengan salah laku dan jenayah. Berdasarkan jadual indeks kesalahan yang direkodkan di antara bulan Januari hingga September 2006, didapati jenayah tertinggi yang melibatkan juvana adalah jenayah mencuri diikuti dengan merusuh dan jenayah seksual.

Perangkaan yang ditunjukkan memberi kefahaman kepada kita bahawa walaupun jumlah remaja yang terlibat adalah kecil berbanding keseluruhan remaja di Malaysia, namun jika situasi ini tidak dibendung, negara akan berhadapan dengan krisis moral yang lebih menjelikkan pada masa akan datang. Secara sedar atau tidak, kini perangkaan tersebut juga mula menunjukkan penglibatan remaja yang masih lagi bersekolah sama ada di peringkat rendah mahupun menengah (JPN Johor 2013).

1.2.5 Keruntuhan Akhlak Pelajar

Golongan pelajar merupakan generasi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Mereka diharapkan berupaya menjadi individu yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan diri dan negara secara keseluruhannya. Namun pada realitinya, sejak akhir-akhir ini pelbagai pihak mula menaruh kebimbangan tentang berbagai gejala sosial yang melanda pelajar dan seterusnya meruntuhkan akhlak mereka. Apa yang membimbangkan pihak ibu bapa adalah masalah sosial yang kian berlaku dalam kalangan pelajar semasa di sekolah atau asrama. Pelbagai masalah sosial yang berkaitan dengan sekolah seperti ponteng sekolah, gengster, mencuri, membuli, merokok, melawan pihak sekolah, melanggar disiplin sekolah dan penglibatan pelajar dengan jenayah dalam konteks yang lebih luas. Sama ada disedari atau tidak, penglibatan pelajar dalam gejala-gejala sosial ini semakin meningkat dari hari ke hari. Setiap hari dipaparkan berbagai cerita tentang pelbagai salah laku yang melibatkan pelajar sama ada salah laku yang dianggap kecil mahu pun besar. Ini turut memberi gambaran betapa seriusnya fenomena ini dan langkah-langkah sewajarnya perlu diambil bagi membendung masalah ini dari terus menular dalam masyarakat Malaysia.

Mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan menyatakan bahawa kes-kes jenayah melibatkan remaja dan pelajar di seluruh negara meningkat sebanyak 295 kes pada tahun 2006. Musa berkata, sebanyak 6,838 kes jenayah termasuk jenayah kekerasan, harta benda terutama kes mencuri motosikal membabitkan remaja dilaporkan pada tahun 2006 berbanding 5,543 kes pada tahun sebelumnya. Seramai 8,113 remaja berusia antara 16 dan 18 tahun ditahan sepanjang tahun lepas dan daripada jumlah itu 3,545 adalah pelajar. Situasi ini harus dipandang serius oleh semua pihak kerana dalam sesetengah kes ia turut melibatkan para pelajar seawal umur tujuh hingga 10 tahun (Utusan Malaysia 17 Februari 2007).

Tan Sri Musa juga menjelaskan bahawa, pada 2007 sebanyak 1,836 kes dilaporkan dengan 3,383 pelajar ditahan dan 3,241 daripadanya adalah pelajar berumur 13 hingga 18 tahun manakala pada 2008 meningkat sebanyak 382 kes kepada 2,218 kes dengan 3,725 pelajar ditahan dan 3,629 dari jumlah berumur 13 hingga 18 tahun. Antara kes tersebut termasuk kes bunuh, rogol, samun, merusuh, mencuri, pecah rumah dan lain-lain kesalahan jenayah (Berita Harian 1 April 2009).

Jadual 3 di bawah menunjukkan bilangan pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin antara tahun 2008 hingga 2012. Dalam tempoh lima tahun (2008 hingga 2012) didapati peratusan pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin di sekolah berada pada kadar purata 2.05%. Kes-kes disiplin tersebut termasuklah kes-kes yang berat seperti memukul, bergaduh, ponteng sekolah serta kes-kes disiplin yang ringan seperti kekemasan diri. Statistik ini menunjukkan bahawa daripada keseluruhan pelajar yang terdapat di sekolah, masih terdapat dua peratus pelajar yang perlu diberi perhatian khusus. Walaupun peratusannya agak kecil, namun peratusan ini sebenarnya melibatkan hampir 111,000 orang pelajar. Yang lebih membimbangkan statistik pada tahun 2012 menunjukkan daripada jumlah 10,7191 pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin, seramai 28,843 adalah merupakan pelajar di sekolah rendah.

Jadual 3. Bilangan pelajar terlibat dalam kes disiplin

Jenis Kes Salah laku	2008	2009	2010	2011	2012
Berunsur Jenayah	19452	17518	17595	18457	14321
Berunsur Kelucahan	3138	2915	3031	2163	3778
Kurang Sopan	22921	20808	18346	17189	15407
Laku Musnah	3949	3979	5212	5343	3630
Kekemasan Diri	15672	20361	21384	20778	13926
Ponteng Sekolah	20363	20286	19545	18754	17343
Kenakalan	8523	9797	8563	8923	9926
Tidak Pentingkan Masa	18348	16314	17808	18611	10403
Buli	-	-	-	-	4159
Rokok	-	-	-	-	14298
JUMLAH	112366 (2.08%)	111978 (2.06%)	111484 (2.06%)	110218 (2.05%)	107191 (2.03%)

Sumber: JPN Johor (2013)

Tan Sri Lee Lam Thye selaku Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) turut menyatakan bahawa kes jenayah membabitkan juvana bertambah daripada tahun ke tahun. Menurut statistik, pada tahun 2013, terdapat 7,816 kes jenayah juvana. Beliau turut mengesan trend yang semakin membimbangkan iaitu kes yang membabitkan pelajar sekolah. Pada tahun 2013 didapati terdapat 1,632 kes yang membabitkan

pelajar sekolah berbanding dengan 1,042 kes tahun sebelumnya. Itu merupakan peningkatan lebih 57%.

Menurut Tan Sri Lee Lam Thye pada tahun 2013 juga terdapat peningkatan sebanyak 47% kes membabitkan remaja di antara umur 12 hingga 17 tahun. Kes jenayah berat atau ganas dalam kalangan remaja yang berada pada usia persekolahan juga meningkat kepada 542 kes tahun lalu berbanding 368 kes tahun sebelumnya (Berita Harian 4 Mei 2014).

Daripada perangkaan dan kes-kes yang dipaparkan di atas, jelas kepada kita bahawa penglibatan pelajar dalam kes-kes jenayah dan juga gejala sosial perlu dibanteras dengan sebaik mungkin. Sekiranya gejala seumpama ini tidak dibendung, maka sudah pasti ia akan berpanjangan dan menular daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Akibatnya, masyarakat dan negara akan mengalami masalah lantaran kegagalan melahirkan generasi bermaruah dan berakhlak mulia. Persoalannya mengapa berlaku demikian? Siapakah yang harus dipertanggungjawabkan atas permasalahan yang berlaku ini? Adakah pendidikan yang disediakan di negara kita tidak mampu membina ketahanan dan jati diri pelajar untuk menangkis gejala yang tidak sihat yang semakin meruncing ini? Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohammed pernah menegaskan, kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat tidak akan tercapai sepenuhnya selagi akhlak tidak dipengaruhi ajaran al-Quran (Berita Harian, 2 Disember 1996). Bahkan pada pandangan Aminuddin, Asmawati, Norhasni, Habsah dan Haziyah (2010), keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja hari ini berpunca daripada kurangnya ilmu dan kefahaman mengenai ajaran Islam. Daripada pernyataan ini, jelaslah bahawa penolakan dan kurang daya penghayatan ke arah cara hidup Islam boleh membawa kepada keruntuhan akhlak yang merosakkan keperluan asasi manusia umumnya.

Apa yang dapat disimpulkan daripada perbincangan di atas ialah masyarakat Malaysia kini berhadapan dengan suatu kenyataan yang pahit bahawa kita dewasa ini sedang menghadapi ancaman kemerosotan akhlak yang semakin meningkat dan dalam kes-kes tertentu semakin parah akibat dari kelunturan pegangan nilai agama dan akhlak. Kadar penglibatan pelajar dalam gejala sosial dan ancaman kemerosotan akhlak ini memberikan satu petanda atau amaran awal yang jelas kepada kita bahawa sekiranya rakyat dan pemerintah tidak dapat meningkatkan penghayatan akhlak pelajar kepada keadaan yang lebih baik, negara akan berhadapan dengan krisis keruntuhan akhlak yang lebih besar. Ini kerana pelajar masa kini akan berperanan penting dalam pembentukan bangsa dan generasi masa hadapan. Oleh itu pembentukan peribadi golongan ini harus diutamakan selaras dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan berperibadi mulia.

1.2.6 Elemen Akhlak dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pada tahun 1979, Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji semula dasar pelajaran kebangsaan Malaysia telah mendapati bahawa kelemahan yang paling ketara dalam sistem pendidikan negara adalah dalam aspek penerapan dan pemupukan nilai-nilai murni sehingga menimbulkan pelbagai isu sosial dan masalah disiplin dalam kalangan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia 1988a). Jawatankuasa Kabinet telah menyarankan,

Untuk kepentingan pembangunan negara, tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bahkan perlu dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka perlu jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahupun secara beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya individu yang dilahirkan daripada sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988a: 227)

Peri pentingnya akhlak sebagai suatu gagasan dalam pembangunan dan keutuhan negara juga telah dinyatakan secara jelas oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir di dalam salah satu daripada sembilan cabaran utama Wawasan 2020 iaitu cabaran yang keempat iaitu untuk mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, dengan warganegaranya teguh dalam nilai agama dan kerohanian dan didokong oleh nilai etika paling tinggi (Mahathir, 1991).

Tajul Ariffin (1997) juga menegaskan bahawa dalam pelaksanaan proses pendidikan, aspek-aspek penting komponen pembangunan insan perlu dilaksanakan mengikut perspektif bersepadu yang antaranya ialah dengan cara pembinaan akhlak pelajar. Akhlak adalah tingkah laku beradab dan baik terpancar daripada keimanan kepada Allah, maka wajarlah akhlak diletakkan sebagai asas kepada pembinaan keperibadian yang baik. Selain itu, pendidikan perlu mampu untuk melahirkan pelajar (insan) yang berintelektual dan bertakwa dalam erti kata pelajar (insan) tersebut cemerlang dari segi akademik dan pada masa yang sama kental keimanan dan ketaqwaannya. Tajul Ariffin (1997) juga menegaskan bahawa pembangunan insan mestilah dimulakan dengan meletakkan insan pada tahap yang bermaruah. Insan bukanlah haiwan sosial seperti yang ditanggapi oleh masyarakat barat tetapi adalah insan yang perlu dibangunkan supaya dapat berperanan sebagai khalifah, mempunyai ketakwaan yang tinggi dan kental, dan pada masa yang sama menjadi hamba kepada Penciptanya.

Pendidikan merupakan suatu wadah untuk membentuk dan memperkembangkan potensi pelajar dari aspek kognitif, afektif, psikomotor dan juga sahsiah. Tujuan pendidikan negara adalah untuk membina keimanan, kerohanian, akhlak, sikap, pemikiran dan emosi pelajar supaya mereka mencapai taraf martabat yang tinggi sebagai khalifatullah. Wan Mohd. Nor (2005) menjelaskan bahawa al-Attas, pemikir Muslim semasa yang pertama mendefinisikan erti pendidikan secara sistematis telah menegaskan bahawa tujuan pendidikan menurut Islam bukan hanya menghasilkan warganegara dan pekerja yang baik, malah untuk membentuk manusia atau insan yang baik. Oleh itu, menurut Tajul Ariffin dan Nor 'Aini (2002), usaha penerapan dan penghayatan akhlak perlu diteruskan sepanjang hayat sejajar dengan konsep pendidikan seumur hidup. Ini kerana ia bersifat kerohanian dan seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Noor Azmi Ibrahim, 1998)

FPK menjadi teras dan tunjang kepada sistem pendidikan negara supaya semua program dan aktiviti pendidikan merupakan manifestasi prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang terkandung dalam falsafah tersebut. Menurut Azrin (2004), FPK berfungsi sebagai teras pendidikan yang membawa konsep kepercayaan kepada Tuhan dan pembangunan manusia sebagai tunjang yang utama. FPK menentukan hala tuju, menjadi teras dan sumber aspirasi kepada semua usaha dan perancangan pendidikan negara. Oleh itu Ghazali Basri (2000) merumuskan bahawa Pendidikan Nasional bermula pada tahun 1989 dengan mengguna pakai FPK yang telah digubal, telah melakukan satu anjakan paradigma yang besar iaitu dari asas sekular kepada asas yang berpaksikan ketuhanan dan keagamaan yang pada hemat beliau yang Islami.

1.2.7 Falsafah Pendidikan Islam di Malaysia

Di Malaysia, berikutan dengan penggubalan FPK, Jawatankuasa Penggubal Sukatan/Kurikulum Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) turut merasakan terdapat keperluan untuk menyatakan falsafah Pendidikan Islam secara tersurat (Zainal Abidin Abdul Kadir,1994). Zainal Abidin turut menjelaskan bahawa terdapat beberapa siri perbincangan yang melibatkan cendekiawan Islam telah diadakan. Perbincangan ini turut melibatkan rujukan-rujukan kepada penulisan sarjana-sarjana Islam dan juga kajian serta laporan mengenai Pendidikan Islam di sekolah serta keperluan masa kini dalam Pendidikan Islam, umat Islam dan negara. Perbincangan ini menurut Tajul Ariffin (1993) menghasilkan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) yang telah diungkapkan secara khusus pada tahun 1988 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. FPI dinyatakan seperti berikut:

Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian, dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar, dan negara ke arah mencapai kebaikan dan kesejahteraan abadi di akhirat.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988b)

Jika diteliti pernyataan FPK dan FPI, jelas bahawa tidak terdapat sebarang percanggahan matlamat di antara kedua-duanya. FPK dan FPI bertujuan untuk mencapai hasrat pembentukan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Cuma terdapat perubahan dari sudut penukaran istilah 'Tuhan' dalam FPK kepada 'Allah' dalam FPI (Ghazali Basri, 2000). Namun menurut Dangiran Mustafa (2007) dengan terbentuknya Falsafah Pendidikan Islam ini, jelas kepada kita bahawa Pendidikan Islam di Malaysia mempunyai hala tuju dan matlamatnya yang tersendiri. Matlamat Pendidikan Islam KBSR dan KBSM memberi gambaran bentuk generasi Islam Malaysia yang akan dilahirkan menerusi pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Matlamat dan hala tuju tersebut dinyatakan untuk membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadi Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa (Dangiran Mustafa, 2007)

FPI menyatakan secara jelas dan tersurat bahawa pembentukan pelajar yang diingini adalah terarah kepada pembentukan individu Muslim yang menghayati Islam sebagai pegangan hidup. Mereka bukan sahaja berperanan untuk membangunkan diri sendiri ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat bahkan turut bertanggungjawab terhadap pembangunan masyarakat, alam sekitar dan juga negara. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan juga khalifah-Nya, al-Quran dan Hadis dijadikan sumber rujukan utama.

Pernyataan di atas jelas menunjukkan bahawa di Malaysia, proses pendidikan Islam bertujuan untuk membentuk manusia dengan berteraskan kepada kejituan agama Islam dan kefahaman kepada FPI yang telah ditetapkan. Menurut Zawawi Ahmad (1996), agama dan falsafah (dalam erti kata mencintai hikmah) merupakan satu regu yang sangat rapat. Ini kerana agama telah menghidangkan suatu konsep yang menyeluruh dan konkrit manakala falsafah pendidikan Islam pula menghurai dan menganalisis konsep tersebut untuk menjelaskan unsur yang boleh membantu para pendidik melaksanakan urusan pendidikan dengan cara bersepadu. Menurut Mohd. Kamal (1988), FPI juga menekankan konsep pendidikan seumur hidup dan pembangunan seluruh potensi (roh, akal dan fizikal) secara holistik dan mencakupi aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Dalam pendekatan pendidikan yang menekankan keseimbangan antara keperluan rohani, akal

dan jasmani, FPI menganggap pembangunan akhlak individu yang selari dengan pandangan hidup Islam adalah teras pembangunan seluruhnya. Natiujahnya menjurus kepada pelaksanaan prinsip mengenal Allah, alam dan diri yang merupakan suatu pola yang dapat melahirkan insan yang berilmu, beriman dan beramal soleh seterusnya mampu melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi.

1.2.8 Penghayatan Akhlak

Menurut Azhar Ahmad (2006) dalam konteks sosial, akhlak merupakan sendi yang mengikat kukuh perhubungan dalam sesebuah masyarakat sehingga kewujudan, kestabilan, keamanan dan kesejahteraan dapat dijamin dalam sesebuah masyarakat. Keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat bukan sahaja menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu bahkan turut menjadi faktor kepada kebinasaan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan struktur masyarakat. Oleh itu, jika akhlak dipinggirkan, manusia bukan sahaja mengalami krisis dalaman dan luaran seperti krisis nilai diri. Bahkan ia turut melibatkan keruntuhan sistem keluarga, masyarakat yang kucar kacir serta kehancuran sesebuah negara.

Kepentingan akhlak dalam kehidupan dinyatakan secara jelas dalam al-Quran menerusi pelbagai pendekatan yang meletakkan al-Quran sebagai sumber pengetahuan utama mengenai nilai dan akhlak yang diinginkan Islam. Pendekatan al-Quran dalam menerangkan akhlak yang mulia, bukan sekadar pendekatan teori tetapi juga diterjemahkan dalam bentuk perlakuan dan penghayatan. Selain itu, ia juga merupakan pancaran daripada keimanan kepada Allah. Adnan Abd. Rashid (2002) menjelaskan bahawa ayat-ayat al-Quran sering mengutarakan dua istilah yang tidak dapat dipisahkan iaitu iman dan amal. Iman dalam Islam melibatkan aspek praktis dan perlakuan lebih daripada teori. Bahkan al-Quran sering mengaitkan iman dan amal dengan akhlak manusia serta mempengaruhi perbuatan yang baik. Oleh itu, menurut Adnan Abd. Rashid (2002), perlakuan Muslim secara zahir sebenarnya merupakan manifestasi daripada keimanan serta keyakinan dalam hatinya.

Penghayatan akhlak merupakan suatu tingkah laku yang sudah sebatikan dalam diri seseorang dan dilakukan secara berterusan. Tingkah laku tersebut muncul secara spontan dari dalam diri seseorang. Ia lahir bukan akibat tekanan emosi atau desakan luar seperti paksaan tetapi ia muncul daripada aspek kejiwaan (Khadijah, 1999). Zakaria Stapa (1995) menjelaskan bahawa ruang lingkup penghayatan akhlak yang baik merujuk kepada penyepaduan dalam tingkah laku seseorang terhadap semua ajaran dan perintah yang terkandung di dalam al-Quran. Pada perspektif Islam, penghayatan akhlak yang unggul dan sempurna bermaksud seseorang yang bertingkah laku mengikut kepercayaan dan syariat Islam. Insan yang menghayati akhlak Islam sepenuhnya adalah insan yang sentiasa mematuhi prinsip hidup Islam

di samping berusaha menyeru manusia melaksanakan kebajikan dan mencegah daripada kemungkar. Dengan itu, tingkah laku berakhlak perlu menjadi fokus dalam proses pembinaan insan yang mantap iman kerana Rasulullah telah bersabda dalam hadis baginda:

Orang Mukmin yang paling sempurna imannya di antara kamu ialah yang paling baik akhlaknya.
(al-Imam Ahmad, 1995, Juz 3, no 7406)

Oleh itu, penghayatan akhlak boleh digambarkan melalui tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Mansor Abd Kadir (1997) menyatakan bahawa pembentukan akhlak pelajar dilihat dari sudut kemantapan akidah dan kesempurnaan ibadah yang dilaksanakan melalui dakwah dan tarbiah. Menurut beliau lagi, bagi memastikan proses penghayatan akhlak mencapai matlamatnya, unsur-unsur seperti penggunaan kaedah yang betul, pendidik yang baik dan suasana yang baik dan kondusif hendaklah diterapkan dalam persekitaran sekolah.

1.2.9 Pencapaian Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak

Yaljan (1986) menyatakan bahawa penghayatan akhlak dalam Islam merupakan salah satu matlamat risalah kerasulan. Masyarakat yang terbina menerusi pendidikan akhlak dikatakan sebagai suatu masyarakat yang mulia dan terhormat. Keyakinan dan keimanan yang mantap akan memudahkan individu untuk menghayati akhlak seorang muslim dengan mematuhi segala suruhan dan larangan agama. Mohd Salleh (2000) menyatakan bahawa pelajar yang cemerlang dalam pendidikan Islam merupakan pelajar yang patuh kepada suruhan agama dan mengamalkan nilai-nilai yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan menunjukkan contoh akhlak yang tinggi. Oleh itu, Mohd Salleh berpandangan kecemerlangan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dapat dilihat dengan penghayatan pelajar terhadap amalan agama dan perlakuannya.

Selain itu, analisis perbezaan dalam kajian oleh Azhar Ahmad (2006) terhadap pelajar di Sarawak menunjukkan bahawa tahap penghayatan akhlak adalah selari dengan tahap pencapaian akademik dan kemahiran yang diperoleh oleh responden bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian Azhar menunjukkan responden yang memperoleh gred pencapaian dan tahap kemahiran yang tinggi mempamerkan tahap penghayatan akhlak yang lebih tinggi berbanding kumpulan responden yang memperoleh gred dan kemahiran yang lebih rendah. Dapatan ini secara tidak langsung boleh memberi andaian bahawa tahap penguasaan kefahaman dan kemahiran mata pelajaran Pendidikan Islam mempunyai

hubungan dengan penghayatan akhlak dalam kalangan responden kajian beliau.

1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran Pendidikan Islam adalah penting kerana ia berfungsi sebagai benteng keagamaan untuk pembangunan dan ketahanan diri serta penghayatan, amalan dan pengekalan nilai-nilai budaya bangsa. Pengajaran Pendidikan Islam bermatlamat kepada pembentukan dan pembinaan keperibadian Muslim serta pembentukan generasi pelajar yang kukuh iman, mampu berdikari, berakhlak mulia serta mampu menyumbang ke arah pembangunan diri, bangsa dan negara bagi meneruskan kegemilangan tamadun Islam. Untuk mencapai matlamat tersebut, disarankan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam diubah supaya ia menjadi lebih berkesan dan melibatkan pelajar secara aktif. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar juga perlu dikenalpasti bagi mengoptimumkan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. Kajian-kajian lalu seperti al-Balhan, (2007), Hamden Ghani (2003) Chua Leong Chee (2002) dan Lang et al (1999) menunjukkan hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian. Gaya pembelajaran Pendidikan Islam perlu dikenal pasti bagi meningkatkan kualiti pencapaian Pendidikan Islam. Dengan itu, Pendidikan Islam bukan sahaja mencapai kecemerlangan dari sudut pembangunan diri bahkan juga dari sudut ketinggian kualiti pencapaian pelajar. Oleh itu, kajian ini cuba mengenal pasti hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian Pendidikan Islam.

Namun pada masa kini suasana pendidikan negara sedang berhadapan dengan beberapa persoalan dan cabaran. Di antaranya ialah masalah akhlak khususnya membabitkan persoalan keruntuhan akhlak dan salah laku dalam kalangan pelajar dan remaja. Berdasarkan statistik yang dikemukakan sebelum ini, didapati jumlah pelajar yang melanggar disiplin dan terlibat dalam pelbagai salah laku sosial terus meningkat dari tahun ke tahun (Kamarulzaman, et. al 2004, Polis DiRaja Malaysia, 2006, Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009 dan JPN Johor, 2013). Walaupun pelbagai peraturan dan disiplin telah ditetapkan oleh pihak sekolah, namun perbuatan salah laku pelajar tetap berlaku.

Menurut Wan Mohd. Nor (1991), situasi ini semakin berleluasa kerana pelajar-pelajar tidak memahami dan tidak menghayati falsafah pendidikan yang jelas. Pelajar melihat pendidikan adalah sebagai medium untuk mendapatkan maklumat dan kemahiran bagi memenuhi kehendak pasaran kerja dan majikan bila bekerja nanti. Bahkan menurut Khalim (2008), manusia memandang kebendaan sebagai kayu ukur kejayaan individu. Mereka mengeneipkan soal akhlak dan kerohanian dan menganggap kedua-duanya merupakan perkara yang tiada kaitan dengan kemahiran dan maklumat yang diperlukan. Sedangkan realitinya, pembangunan masyarakat

dan negara serta dunia bergantung kepada aspek kualiti diri seseorang insan dan bukan sekadar aspek kemahiran dan kecemerlangan akademik semata-mata. Oleh itu, kefahaman agama yang betul dan penghayatan akhlak dalam kalangan golongan muda menjadi satu daripada strategi penting dalam menjaga dan meningkatkan keutuhan akhlak masyarakat Islam (Azhar Ahmad 2006; Harery 2007).

Berdasarkan perbincangan di atas, bagi memastikan mata pelajaran Pendidikan Islam ini terus diminati dan dipertingkatkan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran serta pencapaian pelajar, maka kajian yang berkaitan dengan aspek gaya pembelajaran pelajar perlu dikaji sebagaimana yang dilakukan dalam kajian ini. Memandangkan setakat ini belum terdapat kajian terperinci yang mengkaji gaya pembelajaran dan hubungan yang wujud dengan pencapaian Pendidikan Islam dan juga penghayatan akhlak, maka pengkaji merasakan kajian ini wajar dilakukan dan merupakan satu keperluan dalam bidang PI.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan perbincangan dalam latar belakang kajian dan pernyataan masalah, maka kajian ini dirangka bagi menjawab beberapa persoalan kajian seperti yang dinyatakan di bawah.

- 1) Apakah gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar, pencapaian dalam Pendidikan Islam dan tahap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor?
- 2) Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dengan pencapaian Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak dan hubungan antara pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam dengan penghayatan akhlak?
- 3) Adakah terdapat kesan pengantara pencapaian Pendidikan Islam terhadap hubungan antara gaya pembelajaran dengan penghayatan akhlak pelajar?


1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian yang dinyatakan di atas maka kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- 1) Mengetahui pasti gaya pembelajaran, tahap pencapaian dalam Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor
- 2) Mengetahui pasti sama ada terdapat hubungan antara gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dengan pencapaian Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak dan hubungan antara pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam dengan penghayatan akhlak.
- 3) Mengetahui pasti kesan pengantara pencapaian Pendidikan Islam terhadap hubungan antara gaya pembelajaran dengan penghayatan akhlak pelajar.

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1 di bawah menunjukkan pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah gaya pembelajaran dan pencapaian Pendidikan Islam. Gaya pembelajaran dibahagikan kepada 5 iaitu gaya pembelajaran dorongan, permukaan, mendalam, terancang dan gigih usaha. Manakala pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam merujuk kepada gred Pendidikan Islam PMR. Penghayatan akhlak merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini yang mencakupi tujuh konstruk iaitu akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap Rasul, akhlak terhadap al-Quran, akhlak peribadi, akhlak terhadap ibu bapa, akhlak sesama Muslim dan akhlak terhadap persekitaran.



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

Berdasarkan kerangka konsep, gaya pembelajaran dijangka akan memberi kesan kepada pencapaian Pendidikan Islam manakala melalui Pendidikan Islam akan terbentuk penghayatan akhlak pelajar. Oleh itu, dalam kerangka ini, pencapaian Pendidikan Islam, adalah pemboleh ubah perantara (*mediator*). Selain itu, hubungan langsung antara gaya pembelajaran dengan penghayatan akhlak juga akan dikaji dalam kajian ini.

1.7 Kepentingan Kajian

Falsafah Pendidikan Islam melihat bahawa matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan insan berakhlak yang akhirnya memandu ketakwaan insan kepada Khaliqnya. Kajian ini yang berkaitan dengan gaya pembelajaran dan penghayatan akhlak merupakan satu nilai tambah dalam penyelidikan khususnya berkaitan Pendidikan Islam di negara ini. Walaupun terdapat kajian yang dilaksanakan sama ada berkaitan dengan gaya pembelajaran, pencapaian Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak, namun belum terdapat kajian yang secara khusus telah dijalankan untuk mengkaji hubungan gaya pembelajaran dengan penghayatan akhlak pelajar. Setiap pelajar mengamalkan lebih dari satu gaya pembelajaran dalam usaha mencapai tujuan pembelajarannya. Daripada tinjauan literatur didapati bahawa jika seorang guru dapat mengenal pasti kecenderungan gaya pembelajaran pelajar, situasi ini akan memberi impak kepada perkembangan proses pengajaran dan pembelajaran kerana guru dapat membantu mereka belajar dengan lebih efektif (Zamri dan Mohd. Amin 2000, Nor Aniza 2011). Oleh itu, kajian ini penting sebagai satu nilai tambah kepada guru dan pelajar untuk meningkatkan kefahaman tentang kepentingan mengenal pasti gaya pembelajaran agar proses pendidikan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Matapelajaran Pendidikan Islam merupakan matapelajaran teras yang mendedahkan pelajar kepada pembelajaran agama di sekolah. Matapelajaran ini penting dalam usaha membentuk pelajar yang beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia. Pendidikan Islam dilihat sebagai benteng keagamaan dan amalan nilai-nilai budaya bangsa. Dengan mempelajari Pendidikan Islam, pelajar dapat mengaitkan antara teori dan praktis, iaitu pelajar bukan sahaja berketerampilan dalam bidang akademik tetapi juga tahap amalan dan penghayatan agama serta akhlaknya. Ini kerana pendidikan dalam Islam bertumpu kepada pembentukan individu yang benar-benar sempurna bukan sahaja dari aspek pemilikan dan pertambahan ilmu bahkan juga dari sudut pembentukan akhlak dan rohani pelajar.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membuka penerokaan ruang yang lebih luas ke arah pelbagai kajian lain dalam usaha untuk memahami secara lebih mendalam tentang gaya pembelajaran Pendidikan Islam pelajar dan juga hubungannya dalam penghayatan akhlak mereka. Maklumat tentang gaya pembelajaran dan penghayatan akhlak akan dapat membantu para guru yang terlibat secara langsung dengan pembentukan dan penghayatan akhlak untuk memperbaiki kaedah pengajaran mereka dengan menitikberatkan aspek-aspek afektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Sebagai guru, mereka sepatutnya berupaya menekankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar. Adalah dipercayai dengan cara ini, minat serta pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam akan dapat dipertingkatkan.

Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi input yang berguna bagi membantu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menilai kembali fungsi dan peranan sekolah dari segi keupayaan sekolah dalam menyediakan pelajar yang memiliki ilmu dan kemahiran, menghayati agama dan mengamalkan akhlak mulia. Di samping itu, dapatan kajian juga diharapkan dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan dalam usaha menangani masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Adalah diharapkan pihak Kementerian dapat merancang pendidikan yang bersepadu dan memberi keseimbangan antara kecemerlangan akademik dan juga penghayatan akhlak dalam kehidupan seharian pelajar. Dengan itu, hasrat KPM untuk memperkasakan sekolah menengah harian akan dapat dilaksanakan. Selain itu, kajian ini boleh dijadikan panduan dalam merangka pelan-pelan strategik pembangunan sahsiah pelajar dan juga remaja oleh pelbagai pihak di Malaysia terutama dalam usaha untuk menangani masalah keruntuhan akhlak pelajar.

Dapatan kajian ini boleh membantu Bahagian Pendidikan Islam dan Moral (BPI), KPM sebagai pelaksana dasar Pendidikan Islam untuk menilai kembali program-program keagamaan yang telah dilaksanakan dan yang telah dirancang. Dengan yang demikian langkah-langkah penambahbaikan dapat dilakukan supaya penghayatan akhlak para pelajar dapat dimantapkan dan pencapaian mereka dapat dipertingkatkan. Penyuburan akhlak dalam kalangan para pelajar diharapkan dapat melahirkan golongan cendekiawan Islam yang berwibawa dari sudut akademik dan akhlak. Dengan itu, warganegara yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia serta dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara yang mampan dan berdaya saing seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020 dapat direalisasikan.

Sebagai kesimpulan adalah diharapkan dapatan daripada kajian ini akan dapat membantu semua pihak berkepentingan dalam mendidik pelajar-pelajar menjadi generasi Muslim yang sejati yang bukan sekadar menguasai ilmu pengetahuan, namun mereka juga memiliki ketakwaan dan berpegang dengan nilai akhlak yang mulia.

1.8 Skop Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menentukan skop tertentu bagi menjayakan kajian. Kajian ini secara keseluruhannya menggunakan pendekatan mengkaji pandangan pelajar di dalam kesemua aspek soal selidik instrumen kajian bagi mengumpulkan data berkaitan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar, pencapaian dan penghayatan akhlak mereka. Dalam konteks pengumpulan data dalam kalangan responden kajian, Azhar Ahmad (2006) menegaskan bahawa antara pendekatan terbaik bagi menilai tahap amalan nilai agama adalah melalui penilaian yang dilakukan oleh diri seseorang tentang tingkah lakunya dalam

melaksanakan ajaran agama. Oleh itu, dengan bersandarkan pandangan ini, pengkaji mengumpulkan data kajian berdasarkan penilaian sendiri pelajar terhadap gaya pembelajaran dan penghayatan akhlak mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan inventori gaya pembelajaran Selmes (1987) untuk mendapatkan maklumat berkaitan gaya yang diamalkan oleh pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Berdasarkan literatur, didapati terdapat beberapa model pembelajaran, dan setiap model mempunyai fokus tertentu kepada gaya-gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar. Ini memandangkan Selmes menekankan kepada kemahiran belajar di peringkat sekolah berbanding model-model lain seperti Kolb (1987) dan Grasha (1996) yang memberi tumpuan kepada pelajar di institusi pengajian tinggi.

Dimensi akhlak Islam mencakupi skop yang amat luas (Zakaria Stapa 2001), namun skop kajian ini hanya berfokus kepada penghayatan akhlak yang didasarkan kepada doktrin ketauhidan dan bermatlamatkan untuk membentuk insan pelajar menjadi Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa. Penghayatan akhlak ini mencakupi aspek perlakuan pelajar melalui tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dizahirkan secara luaran yang bersesuaian dengan tahap umur dan konteks kehidupan pelajar sekolah menengah sahaja (Mansor Abd Kadir 1997; Azhar Ahmad 2006).

1.9 Limitasi Kajian

Dalam kajian ini juga terdapat beberapa batasan yang tidak dapat dielakkan. Namun keadaan ini cuba diminima oleh pengkaji seberapa mungkin. Antara limitasi bagi kajian yang dijalankan ini meliputi lokasi kajian, mata pelajaran yang dikaji, dan dari aspek sampel. Setiap limitasi diperincikan seperti di bawah.

Kajian ini dijalankan di negeri Selangor sahaja dengan memilih sekolah menengah harian dari 10 daerah iaitu Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Hulu Langat, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Gombak, Petaling Perdana, Petaling Utama dan Sepang. Pemilihan Selangor sebagai lokasi kajian dilakukan kerana pengkaji sebagai penyelidik tunggal mempunyai kekangan masa, kewangan dan juga mobiliti. Pemilihan Selangor juga membataskan gambaran tentang gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar di sekolah menengah lain serta penghayatan akhlak mereka. Namun begitu, ia dapat diminimakan kerana terdapat persamaan dan keselarasan dari sudut pelaksanaan kurikulum, dan sistem penilaian dan peperiksaan Pendidikan Islam KBSM di seluruh negara. Ini membolehkan dapatan kajian memberi

sumbangan bagi memberi gambaran tentang gaya pembelajaran dan penghayatan akhlak pelajar.

Kajian ini juga terbatas kepada gred pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam di dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi meninjau prestasi akademik pelajar. Selain itu, pengkaji hanya melibatkan pelajar Islam tingkatan empat di sekolah menengah di Selangor yang telah menduduki dan telah mendapat gred peperiksaan Pendidikan Islam di peringkat PMR. Pelajar juga berusia dalam lingkungan 16 tahun. Pelajar yang dilibatkan berusia lebih 15 tahun kerana pada pandangan Islam, mereka telah mencapai atau melebihi tahap baligh dan memenuhi taklif syarak (Mahmassani 1983; Ibn Qudamah 1985) dan pelajar juga seharusnya telah memiliki kematangan kognitif dengan mengamalkan sistem logik dan abstrak apabila mereka perlu membuat sesuatu keputusan atau penyelesaian masalah (Jas Laile 2002). Menurut Azhar (2006) pelajar-pelajar tingkatan empat telah mengikuti Pendidikan Islam KBSR dan juga KBSM sekurang-kurangnya untuk sembilan tahun pembelajaran di sekolah. Pelajar-pelajar ini dianggap telah mencapai tahap kematangan dan juga dianggap sebagai seorang yang boleh dipertanggungjawabkan atas setiap perbuatan mereka kerana mereka telah mencapai umur baligh.

1.10 Definisi Istilah

Bagi memudahkan perbincangan kajian, beberapa konsep diberikan definisi secara istilah dan dijelaskan dalam konteks kajian ini. Berikut ialah beberapa definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.10.1 Gaya Pembelajaran

